



SIARAN MEDIA
MAJLIS BERSUNGKAI YANG BERHORMAT
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN BERSAMA
MURID DAN PELATIH PUSAT BAHAGIA BRUNEI DAN MUARA 2018

Bandar Seri Begawan, Khamis, 7 Jun 2018 – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) sekali lagi mengadakan majlis bersungcai bersama murid-murid dan pelatih-pelatih Pusat Bahagia Daerah Brunei Muara yang ditaja oleh Syarikat Borneo United Enterprise Sendirian Berhad, Syarikat Hasmit Electrical & Lighting dan Syarikat Dee Jay Sendirian Berhad pada lewat petang ini di Dewan Ifrah, Pusat Bahagia Brunei Muara, Kampung Pulaie.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis ini ialah Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan isteri, Datin Hajah Norhayana Janis binti Abdullah Lim. Turut hadir ialah Yang Mulia Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, Dayang Rostinah binti POKSSP Dato Paduka Haji Mohd Tahir, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat; Yang Mulia Awang Stanley Um Hock, Pengerusi Syarikat Borneo United Enterprise Sendirian Berhad; Yang Mulia Awang Steven Huong Hau Yiew, Pengerusi Syarikat Hasmit Electrical & Lighting; Yang Mulia Haji Mohammad bin Haji Hidup, Pengurus Syarikat Dee Jay Sendirian Berhad; pegawai-pegawai kanan dan kakitangan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat serta murid dan pelatih Pusat Bahagia Brunei Muara.

Bagi memberkati majlis, acara dimulai dengan bacaan tahlil beramai-ramai yang diketuai oleh Yang Mulia Awang Md Alif bin Haji Taha, murid OKU Intelek dari Pusat Bahagia Brunei Muara dan doa tahlil pula dibacakan oleh Yang Mulia Ustaz Nuurmatin bin Haji Abu Bakar, Ketua Guru Ugama Pusat Bahagia Brunei Muara serta persembahan tausyeh dari pelatih-pelatih lelaki Pusat Bahagia Brunei Muara dan kemudian diakhiri dengan bacaan doa selamat.

Acara diselajurkan dengan penyampaian sampul Hari Raya Aidilfitri yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Yang Mulia Awang Stanley Um Hock, Pengerusi Syarikat Borneo United Enterprise Sendirian Berhad, Yang Mulia Awang Steven Huong Hau Yiew, Pengerusi Syarikat Hasmit Electrical & Lighting; dan Yang Mulia Awang Md Zaidi Bin Abdullah, Pengerusi Syarikat Dee Jay Sendirian Berhad kepada seramai 100 orang murid Pusat Bahagia Brunei Muara.

Majlis seumpama ini dihasratkan dapat diteruskan pada masa akan datang melihat kepada keceriaan dan kegembiraan yang jelas digambarkan setiap murid dan pelatih yang hadir. Majlis ini juga merupakan peluang bagi para tetamu untuk sama-sama menyambut bulan Ramadhan yang penuh keberkatan bersama murid dan pelatih Pusat Bahagia.

##Tamat##

Dikeluarkan Oleh:

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Pembangunan Masyarakat

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 22 Ramadhan 1439 / 7 Jun 2018